



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 5 – 7 OKTOBER 2021

BIL. 45 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 7 Oktober 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 2,157,565** atau 93.3 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **129,146 kes yang masih aktif**. **Kes baharu** dicatatkan sebanyak **9,890 kes** dan seterusnya menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **2,313,727 kes**. Sementara itu, **kes harian tertinggi** direkodkan pada 26 Ogos 2021 dengan **24,599 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.8 peratus** atau **9,872 kes** daripada catatan harian dengan **94.1 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 18 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **38.0 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (18.8 peratus), Zon Utara (16.7 peratus), Zon Selatan (15.6 peratus) dan Zon Pantai Timur (10.9 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Sarawak** iaitu **1,413 kes** disusuli oleh Selangor (1,402 kes), Kelantan (1,032 kes), Johor (993 kes), Sabah (820 kes), Perak (794 kes) dan Pulau Pinang (721 kes). Sejumlah **27,013 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **132 kematian terbaharu** sementara **rekod tertinggi kematian** adalah **592 kes** yang dicatatkan pada 11 September 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 6 Oktober 2021 menunjukkan seramai **24,200,366** telah **divaksinasi bagi dos pertama**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **5,155,203** diikuti Johor dengan 2,831,750. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,968,298), Sarawak (1,720,307), Perak (1,629,956), Sabah (1,628,643) dan Pulau Pinang (1,368,401). Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin bagi program vaksinasi dos pertama dan kedua telah mencecah 45.01 juta dos.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
 - USA: **Sentimen pengguna meningkat lebih tinggi daripada yang dianggarkan** pada bulan September. Laporan oleh University of Michigan menunjukkan sentimen pengguna di USA meningkat lebih

tinggi daripada yang dianggarkan pada bulan September apabila indeks sentimen pengguna untuk September telah disemak naik menjadi 72.8 pada bulan September dari bacaan awal iaitu 71.0. Penganalisis ekonomi menjangkakan indeks sentimen pengguna tidak akan disemak semula dari bacaan awal, yang masih sedikit lebih tinggi daripada paras terendah hampir sepuluh tahun pada tahap 70.3 pada Ogos 2021. Laporan itu menunjukkan indeks keadaan ekonomi semasa meningkat hingga 80.1 pada bulan September daripada 78.5 pada Ogos, sementara indeks jangkaan pengguna meningkat kepada 68.1 daripada 65.1. (RTT)

- **USA: Pendapatan individu USA meningkat 0.2 peratus pada bulan Ogos 2021.** Setelah melaporkan peningkatan mendadak dalam pendapatan individu USA pada bulan sebelumnya, laporan oleh Commerce Department menunjukkan pendapatan individu meningkat lebih perlahan daripada yang dijangkakan pada bulan Ogos. Pendapatan individu USA meningkat 0.2 peratus pada Ogos selepas melonjak 1.1 peratus pada bulan Julai. Penganalisis ekonomi menjangkakan pendapatan meningkat sebanyak 0.3 peratus. (RTT)
- **EU: Jualan runcit Germany melambung pada Ogos.** Penjualan runcit Germany pulih pada Ogos tetapi pada kadar yang lebih perlahan daripada yang dijangkakan. Destatis melaporkan jualan runcit meningkat 1.1 peratus bulan-ke-bulan pada Ogos, membalikkan penurunan 4.5 peratus pada bulan Julai. Penganalisis ekonomi meramalkan pertumbuhan bulanan 1.5 peratus. Berdasarkan pertumbuhan tahun-ke-tahun, jualan runcit kekal stabil pada 0.4 peratus pada bulan Ogos. Ini jauh lebih perlahan daripada jangkaan pertumbuhan 1.9 peratus. Penjualan makanan, minuman dan tembakau turun 6.6 peratus, sementara penjualan produk bukan makanan meningkat 4.9 peratus. Perolehan runcit meningkat 6.0 peratus pada bulan sebelum krisis Februari 2020. Dari segi nominal, penjualan runcit meningkat 1.2 peratus bulan-ke-bulan dan meningkat 2.4 peratus tahun-ke-tahun pada Ogos. (RTT)
- **UK: Pertumbuhan sektor Pembuatan perlahaan pada bulan September.** Kenaikan sektor pembuatan UK dicatatkan lebih perlahan pada bulan September kerana kelewatan rantaian bekalan, pertumbuhan pesanan baru yang perlahan dan kos yang lebih tinggi. Indeks Pengurus Pembelian dan Pengilangan Pembekalan Chartered Institute of Procurement & Supply jatuh ke paras terendah tujuh bulan pada 57.1 pada bulan September daripada 60.3 pada Ogos. Pengeluaran meningkat pada kadar paling perlahan sejak Februari. Kemerosotan pada pengeluar berskala sederhana dan besar

diimbangi oleh penurunan berterusan di kalangan pertubuhan kecil. Pesanan baharu juga meningkat pada tahap paling lemah sejak Februari kerana pesanan eksport menguncup untuk pertama kali dalam lapan bulan. Lebih 62 peratus pertubuhan meramalkan output mereka akan meningkat dalam dua belas bulan akan datang. (RTT)

- INDONESIA: **Inflasi bertumbuh 1.60 peratus pada bulan September ketika Kerajaan Indonesia meluluskan anggaran perbelanjaan untuk tahun 2022.** Badan Pusat Statistik Indonesia (BPS) melaporkan bahawa kadar inflasi tahunan negara itu meningkat 1.60 peratus pada September 2021, lebih tinggi dari 1.42 peratus pada bulan September 2020. Terakhir angka bulan juga sedikit lebih tinggi daripada kadar inflasi tahunan Ogos sebanyak 1.59 peratus. Dalam perkembangan lain, Parlimen Indonesia telah bersetuju anggaran belanja pemerintah sebesar Rp2,714,15 trillion (USD190 bilion) untuk tahun 2022. Sasaran yang disetujui sedikit lebih tinggi daripada anggaran yang dicadangkan sebelumnya sebesar Rp2,708,68 trillion (USD189,60 bilion). Tambahan pula, anggaran yang dikemas kini juga lebih tinggi daripada tinjauan anggaran tahun ini sekitar Rp2,697 trillion (USD188,79 bilion). (StarBiz)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Ekonomi Malaysia** dijangka pulih secara kukuh tahun depan dengan berkembang **6.7 peratus** sejajar pemulihan serantau dan global. Menerusi Laporan Terkini Tinjauan Ekonomi Serantau ASEAN+3 2021, pertubuhan antarabangsa menjangkakan **pertumbuhan ekonomi negara** akan **berkembang 4.1 peratus** bagi 2021, lebih rendah berbanding **unjuran** dibuat pada Mac lalu iaitu **5.6 peratus**.
2. **Harga minyak sawit mentah (MSM)** dijangka kekal **kukuh** dalam tempoh terdekat **disokong krisis bekalan tenaga di China, pengeluaran rendah** dan **harga minyak mentah yang tinggi** yang memacu kontrak hadapan MSM terutama bulan paling aktif berlegar pada paras tertinggi **RM5,000 satu tan**. **Eksport ke China** mungkin meningkat pada Oktober susulan **penutupan beberapa kilang pengisar kacang soya** berikutan kekurangan tenaga dan penghantaran ke seluruh dunia juga akan disokong oleh pembukaan semula ekonomi berikutan pelaksanaan vaksinasi COVID-19 meningkat secara beransur-ansur.
3. Jumlah **eksport sektor pertanian negara** menunjukkan **lonjakan** sebanyak **11.58 peratus** atau **RM3.5 bilion** sepanjang tempoh **Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11)** apabila merekodkan **RM33.7 bilion eksport** pada **2020** berbanding **RM30.2 bilion** pada **2014**. Di bawah **RMK12, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Makanan (MAFI)** juga katanya telah mengemukakan **37 permohonan pembangunan projek pertanian** yang boleh dimanfaatkan petani untuk membangunkan tanah-tanah pertanian termasuk tanah terbiar menerusi pelbagai jenis tanaman.
4. **Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA)** memberi amaran bahawa **rancangan lapangan terbang dan penyedia perkhidmatan navigasi udara (ANSP)** untuk meningkatkan caj akan hanya **melengahkan pemulihan perjalanan/pengembalaan udara** dan merosakkan kesalinghubungan antarabangsa. **Kenaikan caj** oleh lapangan terbang dan ANSP sudah mencecah **US\$2.3 bilion**, dan jumlahnya boleh berlipat kali ganda sehingga mencapai **10 kali ganda** sekiranya **cadangan** oleh lapangan terbang dan ANSP **dipersetujui**.
5. **Kadar operasi penyedia perkhidmatan pemasangan dan ujian semikonduktor (OSAT) Malaysia** dijangka meningkat **seiring** dengan **peningkatan kadar imunisasi negara**. **Gangguan** bekalan **tenaga di China** dijangka memberi **kesan minimum** kepada beberapa syarikat OSAT yang mempunyai kilang fasiliti di sana. **Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia (MSIA)** telah mencadangkan agar **kerajaan tidak menutup operasi**

kilang yang mempunyai **lebih 80 peratus** kadar **vaksinasi pekerja** bagi meminimumkan gangguan seterusnya membantu meningkatkan kadar penggunaan ada suku keempat 2021.

6. **Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)** melaporkan mulai **16 September sehingga 4 Oktober**, iaitu kira-kira dua minggu selepas pelaksanaan projek rintis ini, seramai **40,458 orang disaring di pintu masuk udara dan laut ke Pulau Langkawi**. Menterinya, Nancy memaklumkan pembukaan semula Langkawi pada 16 September lalu menjana **pendapatan mencecah lebih RM15 juta** menerusi kunjungan **38,748 pelancong** dalam tempoh **dua minggu**.
7. **Paras inventori** yang **meningkat, permintaan beralih kepada minyak kacang soya** serta **kebimbangan persekitaran, sosial dan tadbir (ESG)** dijangka mendatangkan **risiko buat pemain industri sawit dalam masa terdekat** ini. Bagi penganalisis di Kenanga Research, Adrian Kok, perbezaan premium minyak kacang soya dan minyak sawit mentah (MSM) pula dijangka tidak dapat memberi sokongan kepada harga MSM.
8. Selepas mengalami kejatuhan kelmarin, **harga minyak mentah** meningkat ke **paras tertinggi** dalam tempoh hampir **tiga tahun** semalam, selepas **Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum dan sekutunya (OPEC+)** memutuskan untuk **mengekalkan dasar pengeluaran sedia ada**. Keputusan itu mendorong **minyak mentah Brent melonjak 40 sen** atau 0.5 peratus kepada **AS\$81.66 (RM341.22) setong**, selepas naik 2.5 peratus kelmarin.
9. **Premis penginapan** dalam **gelembung pelancongan** perlu **menyaring kesihatan kakitangan** dengan alat saringan kendiri **sebelum dibenar** memulakan **tugas**. Presiden Persatuan Agensi Pelancongan Malaysia (MATA), Datuk Mohd Khalid Harun, berkata majikan bertanggungjawab memastikan kakitangan selamat bekerja dan ujian saringan kendiri boleh dilakukan sekurang-kurangnya seminggu sekali bagi mengelak penularan COVID-19 di tempat kerja.
10. **Malaysia** dianggarkan mengalami **kerugian** sebanyak **RM165 bilion** daripada **hasil perbelanjaan pelancong** tahun ini berbanding **RM135 bilion pada 2020** berikutan pelaksanaan **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kali ketiga**. Menurut Menteri Pelancongan, sektor pelancongan berdepan lebih 12 bulan sama ada hanya sedikit perniagaan beroperasi atau ketiadaan operasi selain kehilangan pekerjaan.
11. **Belanjawan 2020** perlu menumpukan kepada isu kelangsungan **Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)**. Kerajaan dicadangkan supaya **melanjutkan subsidi upah sebanyak RM600** bagi setiap pekerja

sehingga Jun 2022 kepada semua sektor yang tidak tersenarai sebagai perkhidmatan penting dan tidak dibenarkan beroperasi sehingga Fasa 3 dan 4 Pelan Pemulihan Negara. Selain itu, kerajaan turut dicadang **melanjutkan insentif pengambilan pekerja baharu** dengan subsidi upah sebanyak 50 peratus selama 6 bulan sehingga Jun 2022 bagi PKS yang pekerja kurang daripada 100 orang.

12. **Sektor Perhotelan** dijangka **dibuka** apabila **kadar pemberian vaksin** sudah **melepassi 80 peratus** dan **kebenaran rentas negeri** dilaksanakan. Perkara ini merupakan suatu berita gembira kepada sektor perhotelan apabila telah lama ditutup akibat COVID-19.
13. **Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)** telah membantu seramai **7,571 usahawan muda** melibatkan **peruntukan RM155 juta** melalui **Program Agropreneur Muda** yang terlibat dalam sektor pertanian dan industri makanan sejak 2016 hingga 31 Ogos 2021.
14. Harga runcit petrol **RON95 dan diesel kekal** pada harga **RM2.05 seliter dan RM2.15 seliter** bagi tempoh bermula esok sehingga 13 Oktober ini. Harga runcit petrol **RON97 naik 1 sen** kepada harga RM2.77 seliter berbanding RM2.76 seliter sebelum ini. Bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global, kerajaan mengekalkan paras harga siling RM2.05 seliter bagi petrol RON95 dan RM2.15 seliter bagi diesel.
15. **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Remaja** telah berjaya **melepassi sasaran 60 peratus** pada November dengan merekodkan 62.5 peratus sejak mula dilaksanakan 20 September lalu. Seramai 343,000 atau 90.9 peratus remaja berusia 16 tahun dan 344,000 atau 92.8 peratus remaja berusia 17 tahun telah menerima suntikan pertama.
16. **Inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA)** telah **meningkatkan liputan 4G** dan jumlah **premis yang mendapat capaian gentian optik** jika dibandingkan dengan tahun 2020 di kawasan Hulu Selangor. Kaedah **Point of Presence (PoP) hab gentian optik** akan dilaksanakan oleh kerajaan sebagai salah satu alternatif bagi memastikan **jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar diperluas** ke kawasan sekitar sekolah, perindustrian, premis kerajaan dan masyarakat sekeliling dimana melibatkan 432,300 premis yang akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Metro 6 Oktober 2021 (Non-Essential)	<p>Industri pelancongan negara rugi RM135 bilion</p> <p>Dalam tempoh pandemik ini industri pelancongan negara terjejas teruk dengan anggaran kerugian sebanyak RM135 bilion. Jumlah ini dijangka meningkat kepada RM165 bilion pada tahun 2021. Bagi mencapai sasaran kemasukan 16 juta pelancong antarabangsa dan pendapatan sekurang-kurangnya RM45 bilion pada tahun 2025, kerjasama yang mampan perlu diterapkan demi mencapai matlamat memulihkan kembali industri ini.</p> <p>Selain itu juga, Tourism Malaysia perlu meningkatkan promosi berhubung keunikan Malaysia di persada dunia seiring dengan tumpuan MOTAC terhadap cadangan pembukaan gelembung pelancongan antarabangsa.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/763323/industri-pelancongan-negara-rugi-rm135-bilion
2.	The Star 6 Oktober 2021 (Non-Essential)	<p>Tourism Malaysia data to be used to determine readiness for international tourism, says minister</p> <p>Data obtained from Tourism Malaysia's overseas directors will serve as a guide to determine the country's readiness to reopen the international tourism sector.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/10/06/tourism-malaysia-data-to-be-used-to-determine-readiness-for-international-tourism-says-minister

		<p>This will then be presented to the National Security Council (MKN) to consider, before a decision to reopen the nation's borders is made.</p>	
3.	Berita Harian 7 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Rentas negeri dibenarkan beberapa hari lagi</p> <p>Kerajaan akan membenarkan pergerakan rentas negeri dalam tempoh beberapa hari lagi apabila kadar vaksinasi populasi dewasa di negara ini mencapai 90 peratus.</p> <p>Orang ramai yang ingin pulang ke kampung atau melakukan ziarah bertemu keluarga di luar lokaliti, dinasihatkan menjalani ujian kendiri COVID-19 apabila pergerakan rentas negeri dibenarkan kelak.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/873371/rentas-negeri-dibenarkan-beberapa-hari-lagi

Penemuan penting & isu:

1. Industri pelancongan negara terjejas teruk dengan anggaran kerugian sebanyak RM135 bilion. Jumlah ini dijangka meningkat kepada RM165 bilion pada tahun 2021.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penutupan sempadan dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menjelaskan sektor ekonomi negara khususnya industri pelancongan di mana industri tersebut merentasi pelbagai aktiviti utama seperti penginapan, makanan & minuman, peruncitan dan sebagainya. Pada tahun 2020, Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan (NDKIP) berjumlah RM199.4 bilion dan seterusnya menyumbang sebanyak 14.1 peratus kepada KDNK (2019: 15.9%). Buat pertama kalinya sejak penyusunan Akaun Satelit Pelancongan mulai 2005, NDKIP telah mengalami penurunan 17.1 peratus.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Malay Mail 5 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Proton sold 10,380 units in Sept 2021 Proton Holdings Bhd's (Proton) vehicle sales stood at 10,380 units in September, allowing it to remain in second place in terms of automotive sales in the country. The market share for the month is expected to be at 23.9 per cent, based on an estimated Total Industry Volume (TIV) of 43,500 units.	https://www.malaymail.com/news/money/2021/10/05/proton-sold-10380-units-in-sept-2021/2011024
2.	New Straits Time 5 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Toyota's Kinto One now with more flexibility Toyota's newly enhanced Kinto One now allows subscribers the choice of different yearly mileage packages starting from 20,000 km to 30,000 km and to have a longer subscription up to 5 years. Kinto One also now offers a Lite Package for customers who no longer travel as much than before but still require an easy and straightforward car usership program. In essence it offers greater flexibility for customers who need it.	https://www.nst.com.my/cbt/2021/10/733862/toyotas-kinto-one-now-more-flexibility
3.	Sinar Harian 5 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Jerman akan henti guna biofuel berasas minyak sawit 2023 Menteri Alam Sekitar, Pemuliharaan Alam dan Keselamatan Nuklear Jerman, Svenja Schulze baru-baru ini mengumumkan bahawa Jerman	https://www.sinarharian.com.my/article/165352/BISNES/Jerman-akan-henti-guna-biofuel-berdasas-minyak-sawit-2023

		akan menghentikan penggunaan biofuel berasaskan minyak sawit pada tahun 2023.	
4.	Astro Awani 5 Oktober 2021 (Essential)	<p>Kenanga gariskan 3 risiko utama bakal dihadapi pemain industri sawit dalam masa terdekat</p> <p>Paras inventori yang meningkat, permintaan beralih kepada minyak kacang soya serta kebimbangan persekitaran, sosial dan tadbir (ESG) dijangka mendatangkan risiko buat pemain industri sawit dalam masa terdekat ini.</p> <p>Bagi penganalisis di Kenanga Research, Adrian Kok, perbezaan premium minyak kacang soya dan minyak sawit mentah (MSM) pula dijangka tidak dapat memberi sokongan kepada harga MSM. Dalam masa sama, penganalisis itu juga tidak menolak kemungkinan penguatkuasaan percuakaian yang lebih tinggi ke atas pemain industri, terutamanya melibatkan cukai durian runtuh.</p>	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/kenanga-gariskan-3-risiko-utama-bakal-dihadapi-pemain-industri-sawit-dalam-masa-terdekat-323582
5.	The Malaysian Reserve 5 Oktober 2021 (Essential)	<p>China's demand for Malaysian palm oil products set to rise</p> <p>CHINA'S rapid development and changes in consumer behaviour will create more demand for Malaysian palm oil years to come. Palm oil products have good shares in non-food products like healthcare products which are booming as well such as oleochemicals following China's continuous reform policies for</p>	

		growth of inner township that has been robust in recent years.	
6.	New Sarawak Tribune 5 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Govt offers incentives for electric vehicles</p> <p>The government has offered incentives in the form of direct and indirect tax relief for the assembly or manufacturing of electric vehicles (EV), component parts, and the development of EV ecosystems such as charging facilities.</p> <p>Minister of International Trade and Industry Datuk Seri Mohamed Azmin Ali said among the incentives are pioneer status for the production of original goods, investment tax allowance, and the exemption of import and excise duties</p>	https://www.newsarakatribune.com.my/govt-offers-incentives-for-electric-vehicles/
7.	New Sarawak Tribune 5 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Over 109,500 online businesses registered as of Aug 31 this year</p> <p>As many as 109,534 online businesses have been registered as of Aug 31 this year which contributed 42.8 percent of the total number of businesses registered during the period, said Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi. Last year, a total of 132,012 online businesses were registered, and these registrations saw an increase of 5.8 percent of the total businesses registered in 2019.</p>	https://www.newsarakatribune.com.my/over-109500-online-businesses-registered-as-of-aug-31-this-year/

8.	The Malaysian Reserve 6 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	Harga minyak naik ke paras tertinggi Selepas mengalami kejatuhan kelmarin, harga minyak mentah meningkat ke paras tertinggi dalam tempoh hampir tiga tahun semalam, selepas Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum dan sekutunya (OPEC+) memutuskan untuk mengekalkan dasar pengeluaran sedia ada. Keputusan itu mendorong minyak mentah Brent melonjak 40 sen atau 0.5 peratus kepada AS\$81.66 (RM341.22) setong, selepas naik 2.5 peratus kelmarin.	https://themalaysianreserve.com/2021/06/01/strong-auto-sector-boots-drb-hicom-profit/
9.	Berita Harian 6 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Triumph Tiger Sport 660 tampil reka bentuk padu Triumph Motorcycles Ltd memperkenalkan model Tiger Sport 660 serba baharu di peringkat global dengan pasaran Malaysia bakal menerima kehadiran motosikal kembara kelas menengah itu tahun depan.	https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/10/873045/triumph-tiger-sport-660-tampil-reka-bentuk-padu
10.	Berita Harian 6 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Turunkan harga, cukai rokok: DARE Mengurangkan jurang harga rokok sah dan seludup menerusi pengurangan kadar cukai yang tinggi ke atas produk tembakau adalah antara cadangan yang diutarakan Datametrics Research and Information Sdn Bhd (DARE) untuk diperhalusi kerajaan dalam Belanjawan 2022.	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/873128/turunkan-harga-cukai-rokok-dare

11.	The Edge 7 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Malaysian retail industry grew 3.4% year-on-year in second quarter 2021 The Malaysian retail industry recorded a positive growth rate of 3.4% in retail sales for the second quarter of 2021, from a 30.9% contraction a year earlier. In the September 2021 Malaysia Retail Industry Report released on Thursday, Retail Group Malaysia (RGM) said prolonged lockdowns this year and high daily positive cases have affected the ability of many Malaysian retailers to stay afloat.	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysian-retail-industry-grew-34-yoy-2q2021
B. Subsektor Kesihatan			
12.	The Star 6 Oct 2021 <i>(Essential)</i>	APHM: Private hospitals have lesser COVID-19 patients now Association of Private Hospitals Malaysia (APHM) member hospitals have a decreased number of admitted COVID-19 patients both in ICU and normal wards since the last two weeks particularly at the Greater Klang Valley. Private hospitals have lesser decanted patients from the public hospitals too. A total of 3500 plus decanted non-COVID-19 patients were treated at private hospitals in the Greater Klang Valley and the ongoing decanting in Penang is about 203 and outsourced elective surgery and procedures in the island is about 713 since the pandemic.	https://www.sinarharian.com.my/article/165530/KHAS/Covid-19/Pesakit-Covid-19-di-hospital-swasta-berkurangan

	C. Subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi		
13.	Selangor Kini 6 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Sunway Lagoon dibuka semula esok, kapasiti pengunjung dihadkan 50 peratus</p> <p>SUBANG JAYA, 6 OKT: Taman tema Sunway Lagoon dibuka semula esok selaras kelonggaran dalam fasa tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN). Ketua Pegawai Eksekutif Sunway Theme Parks Calvin Ho berkata taman tema seluas 88 ekar beroperasi mengikut tatacara operasi piawai (SOP) dengan kapasiti pengunjung dihadkan sehingga 50 peratus.</p>	https://selangorkini.my/2021/10/sunway-lagoon-dibuka-semula-esok-kapasiti-pengunjung-dihadkan-50-peratus/
	D. Subsektor Penginapan		
14.	Berita Harian 5 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Gelembung pelancongan di Langkawi diteruskan</p> <p>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menjelaskan jangkitan COVID-19 kakitangan sebuah hotel di Langkawi bukan disebarluaskan oleh pekerja, sebaliknya berpunca daripada ahli keluarga mereka. Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata laporan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah semalam jelas menyatakan kluster berkenaan tiada kaitan dengan kes pelancong kanak-kanak yang didapati positif pada 26 September lalu.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/872752/gelembung-pelancongan-di-langkawi-diteruskan

15.	Berita Harian 5 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Buat saringan kendiri sebelum bekerja - MATA</p> <p>Premis penginapan dalam gelembung pelancongan perlu menyaring kesihatan kakitangan dengan alat saringan kendiri sebelum dibenar memulakan tugas. Presiden Persatuan Agensi Pelancongan Malaysia (MATA), Datuk Mohd Khalid Harun, berkata bahawa majikan bertanggungjawab memastikan kakitangan selamat bekerja dan ujian saringan kendiri boleh dilakukan sekurang-kurangnya seminggu sekali bagi mengelak penularan COVID-19 di tempat kerja.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/872681/buat-saringan-kendiri-sebelum-bekerja-mata
16.	New Straits Times 5 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>The Holiday Villa Hotel in Subang is no longer in operation</p> <p>Holiday Villa Hotel & Conference Centre Subang has ceased operation effective October 1. IJM Land Bhd, which owns the hotel, is said to be examining a range of options to boost the property's value. According to sources with knowledge on the matter, the developer is unlikely to sell the hotel as it is situated on a valuable piece of land in a key location. The business resort hotel is situated on 2.75 hectares of landscaped ground on Jalan SS12/1, with views of the Subang Ria Recreational lake and park. Subang Medical Centre and Dorsett Grand Subang are both just a short distance away.</p>	https://www.nst.com.my/property/2021/10/733929/holiday-villa-hotel-subang-no-longer-operation

17.	Kosmo 5 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Sunway labur RM160 juta buka Hotel Big Box</p> <p>Bersempena transisi Johor kepada fasa seterusnya dalam Pelan Pemulihan Negara, Sunway mengumumkan pelancaran Sunway Hotel Big Box bernilai RM160 juta di Sunway City Iskandar Puteri secara berperingkat bermula 1 Oktober. Hotel dengan 284 bilik yang terletak dalam kawasan seluas 323 hektar serta dikeli-lingi kawasan hutan paya bakau itu memiliki kemudahan hospitaliti, runcit, pendidikan dan juga elemen kesihatan.</p>	https://www.kosmo.com.my/2021/10/05/sunway-labur-rm160-juta-buka-hotel-big-box/
18.	Kosmo 6 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Langkawi tidak lagi sepi, terima lebih 2,000 pelancong setiap hari</p> <p>PULAU Langkawi tidak lagi sepi apabila kerajaan melaksanakan projek rintis gelembung pelancongan di pulau peranginan itu pada 16 September lalu. Destinasi pelancongan terkenal tersebut kembali ‘bernyawa’ dengan kehadiran lebih 2,000 pelancong domestik dari seluruh negara setiap hari. Bersempena sambutan Hari Malaysia, pintu pulau Mahsuri itu dibuka dengan ketibaan penerbangan pertama yang terdiri daripada 159 pelancong di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL) pada pukul 10.45 pagi.</p>	https://www.kosmo.com.my/2021/10/06/langkawi-tidak-lagi-sepi-terima-lebih-2000-pelancong-setiap-hari/

19.	Berita Harian 6 Oktober 2021 (Essential)	<p>Lengkap vaksin tak perlu kuarantin apabila masuk Sabah</p> <p>Kerajaan negeri membenarkan individu lengkap vaksinasi COVID-19 memasuki Sabah tanpa perlu menjalani kuarantin ketika pelaksanaan Fasa Dua Pelan Pemulihhan Negara (PPN) ini.</p> <p>Jurucakap perkembangan harian COVID-19 Sabah, Datuk Masidi Manjun dalam kenyataan semalam memperincikan beberapa ketetapan dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikemas kini sekiranya ingin memasuki Sabah.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/873024/lengkap-vaksin-tak-perlu-kuarantin-apabila-masuk-sabah
20.	Harian Metro 7 Sept 2021 (Essential)	<p>Pelancongan di Pangkor diteruskan, jika rentas negeri dibenarkan</p> <p>Aktiviti pelancongan di Pulau Pangkor akan diteruskan mengikut prosedur operasi standard (SOP) sedia ada sekiranya perjalanan rentas negeri dibenarkan dalam masa terdekat.</p> <p>Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Perak, Datuk Nolee Ashilin Mohamed Radzi berkata justeru, tiada gelembung pelancongan di pulau peranginan itu, jika pengumuman kebenaran merentas negeri mendahului keputusan melaksanakan gelembung pelancongan.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/763521/pelancongan-di-pangkor-diteruskan-jika-rentas-negeri-dibenarkan

Penemuan penting & isu:

1. *Proton Holdings Bhd's (Proton) vehicle sales stood at 10,380 units in September, allowing it to remain in second place in terms of automotive sales in the country.*
2. *Toyota's newly enhanced Kinto One allows subscribers the choice of different yearly mileage packages starting from 20,000km to 30,000 km and to have a longer subscription up to 5 years.*
3. Jerman akan menghentikan penggunaan biofuel berasaskan minyak sawit pada tahun 2023.
4. Bekalan permintaan beralih kepada minyak kacang soya serta keimbangan persekitaran, sosial dan tadbir (ESG) dijangka mendatangkan risiko buat pemain industri sawit dalam masa terdekat ini.
5. *China's rapid development and changes in consumer behaviour will create more demand for Malaysian palm oil products in year to come.*
6. *The government has offered incentives in the form of direct and indirect tax relief for the assembly or manufacturing of electric vehicles (EV), component parts, and the development of EV ecosystems such as charging facilities.*
7. *As many as 109,534 online businesses have been registered as of Aug 31 this year which contributed 42.8 percent of the total number of businesses registered during the period.*
8. Triumph Motorcycles Ltd memperkenalkan model Tiger Sport 660 serba baharu dengan pasaran Malaysia bakal menerima kehadiran motosikal kembara kelas menengah itu tahun depan.
9. Harga minyak sawit mentah (MSM) dijangka kekal kukuh dalam tempoh terdekat disokong krisis bekalan tenaga di China, pengeluaran rendah dan harga minyak mentah yang tinggi yang memacu kontrak hadapan MSM.
10. Mengurangkan jurang harga rokok sah dan seludup antara cadangan yang diutarakan Datametrics Research and Information Sdn Bhd (DARE) untuk diperhalusi kerajaan dalam Belanjawan 2022.
11. *The Malaysian retail industry by MRA recorded a positive growth rate of 3.4% in retail sales for the second quarter of 2021*

12. Private hospitals are now beginning to treat their regular non-COVID-19 patients in larger numbers and managing health conditions that have been delayed because of the pandemic.
13. The association hopes that the private hospitals will soon be able to assist in teenage and booster vaccines for the eligible group of citizens inclusive of healthcare frontliners as the economy opens up during the endemic phase.
14. Taman Tema Sunway Lagoon akan dibuka pada 7 Oktober 2021 dengan kapasiti pengunjung dihadkan sehingga 50 peratus dan memperkenalkan aktiviti berkelah ‘Camp Out! at Sunway Lagoon’ sebagai tarikan baharu.
15. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melaporkan mulai 16 September sehingga 4 Oktober, iaitu kira-kira dua minggu selepas pelaksanaan projek rintis ini, seramai 40,458 orang disaring di pintu masuk udara dan laut ke Pulau Langkawi. Menterinya, Nancy memaklumkan pembukaan semula Langkawi pada 16 September lalu menjana pendapatan mencecah lebih RM15 juta menerusi kunjungan 38,748 pelancong dalam tempoh dua minggu.
16. IJM Land Bhd, yang memiliki hotel Holiday Villa Hotel & Conference Center Subang telah berhenti beroperasi mulai 1 Oktober.
17. Aktiviti pelancongan di Pulau Pangkor akan diteruskan mengikut prosedur operasi standard (SOP) sedia ada sekiranya perjalanan rentas negeri dibenarkan dalam masa terdekat.

Maklumbalas Bahagian:

1. Peningkatan jualan bagi Proton memberi gambaran akan prestasi subsektor kenderaan bermotor bagi bulan September.
2. Peningkatan harga minyak sawit dan harga minyak mentah akan memberi kesan kepada prestasi borong.
3. Kejayaan pihak swasta dalam membantu kerajaan menyediakan perkhidmatan kesihatan membuktikan hasil dapat dibuktikan dengan penurunan kadar pesakit COVID-19 dirawat di fasiliti swasta termasuk hospital awam dan mereka juga telah kembali dapat merawat pesakit bukan COVID-19.
4. Pembukaan Taman Tema Sunway Lagoon dan tarikan baru yang diperkenalkan dapat memberikan impak positif bagi aktiviti taman tema.

- | |
|---|
| <p>5. Gelembung pelancongan mulai 16 September di Pulau Pinang akan diteruskan dan dijangka akan memberi kesan peningkatan pendapatan terhadap industri perkhidmatan penginapan untuk tempoh ST4 2021.</p> <p>6. Pengoperasian semula pusat-pusat pelancongan dan penginapan dapat memulihkan semula sektor pelancongan di negara kita.</p> |
|---|

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 06 October 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Harga minyak sawit cecah RM5,000 satu tan</p> <p>Harga minyak sawit mentah (MSM) dijangka kekal kukuh dalam tempoh terdekat disokong krisis bekalan tenaga di China, pengeluaran rendah dan harga minyak mentah yang tinggi yang memacu kontrak hadapan MSM terutama bulan paling aktif berlegar pada paras tertinggi RM5,000 satu tan.</p> <p>Pasaran harus bersedia dengan kenaikan harga minyak boleh dimakan yang menyebabkan lonjakan inflasi harga makanan. Eksport ke China mungkin meningkat pada Oktober susulan penutupan beberapa kilang pengisar kacang soya berikutan kekurangan tenaga dan penghantaran ke seluruh dunia juga akan disokong oleh pembukaan semula ekonomi berikutan pelaksanaan vaksinasi COVID-19 meningkat secara beransur-ansur.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/873003/harga-minyak-sawit-cecah-rm5000-satu-tan

2.	The Edge Markets 06 October 2021 <i>(Essential)</i>	Agricultural exports up by RM3.5 bil under 11MP The country's agricultural sector export showed a hike of 11.58% or RM3.5 billion under the 11th Malaysia Plan (11MP) when it recorded RM33.7 billion in exports in 2020, compared to RM30.2 billion in 2014. Under the 12MP, he said, MAFI had submitted 37 applications for developments of agricultural projects which could be used by farmers to develop agricultural lands including idle ones through the planting of various crops.	https://www.theedgemarkets.com/article/agricultural-exports-rm35-bil-under-11mp
----	--	--	---

Penemuan penting & isu:

1. Harga minyak sawit mentah (MSM) dijangka kekal kukuh dalam tempoh terdekat disokong krisis bekalan tenaga di China, pengeluaran rendah dan harga minyak mentah yang tinggi yang memacu kontrak hadapan MSM terutama bulan paling aktif berlegar pada paras tertinggi RM5,000 satu tan. Eksport ke China mungkin meningkat pada Oktober susulan penutupan beberapa kilang pengisar kacang soya berikutan kekurangan tenaga dan penghantaran ke seluruh dunia juga akan disokong oleh pembukaan semula ekonomi berikutan pelaksanaan vaksinasi COVID-19 meningkat secara beransur-ansur.
2. Jumlah eksport sektor pertanian negara menunjukkan lonjakan sebanyak 11.58 peratus atau RM3.5 bilion sepanjang tempoh Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) apabila merekodkan RM33.7 bilion eksport pada 2020 berbanding RM30.2 bilion pada 2014. Di bawah RMK12, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Makanan (MAFI) juga katanya telah mengemukakan 37 permohonan pembangunan projek pertanian yang boleh dimanfaatkan petani untuk membangunkan tanah-tanah pertanian termasuk tanah terbiar menerusi pelbagai jenis tanaman.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport minyak kelapa sawit bagi Ogos 2021 adalah RM4,470.0 juta dan menyusut RM1,304.0 juta atau 22.6 peratus bulan ke bulan. Volum eksport minyak kelapa sawit pula adalah 1.0 juta tan metrik dan menyusut sebanyak 368.0 ribu tan metrik atau 26.5 peratus bulan ke bulan. Eksport

<p>minyak kelapa sawit ke China bagi Ogos 2021 adalah RM187.9 juta dan menyusut RM202.0 juta atau 51.8 peratus berbanding bulan sebelumnya.</p> <p>2. Nilai eksport sektor pertanian bagi tahun 2020 adalah RM71.7 bilion berbanding RM67.2 bilion pada tahun 2015. Eksport sektor pertanian pada tahun 2020 meningkat 6.7 peratus atau secara purata 1.3 peratus setahun. Eksport sektor pertanian bagi Ogos 2021 adalah RM7,342.0 juta dan menyusut RM1,130.9 juta atau 13.3 peratus berbanding bulan sebelumnya. Sektor pertanian menyumbang 7.7 peratus kepada keseluruhan nilai eksport Malaysia pada Ogos 2021. Minyak kelapa sawit mendominasi eksport sektor pertanian sebanyak RM4,470.0 juta atau 60.9 peratus.</p>			
D.	Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro 05 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Kenaikan caj akan jeaskan pemulihan perjalanan Udara: IATA</p> <p>Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) memberi amaran bahawa rancangan lapangan terbang dan penyedia perkhidmatan navigasi udara (ANSP) untuk meningkatkan caj akan hanya melengahkan pemulihan perjalanan/pengembalaan udara dan merosakkan kesalinghubungan Antarabangsa. Kenaikan caj oleh lapangan terbang dan ANSP sudah mencecah US\$2.3 bilion, dan jumlahnya boleh berlipat kali ganda sehingga mencapai 10 kali ganda sekiranya cadangan oleh lapangan terbang dan ANSP dipersetujui. Menurut IATA, ANSP dari 29 negara Euro yang kebanyakannya dimiliki oleh kerajaan dijangka memperoleh hampir US\$9.3 bilion dari syarikat penerbangan untuk menampung pendapatan yang tidak direalisasikan pada 2020/2021.</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/10/762805/kenaikan-caj-akan-jeaskan-pemulihan-perjalanan-udara-iata

2.	<p>New Straits Times 06 Oktober 2021 (Essential)</p>	<p>Domestic OSAT players with facilities in China to see minimal impact from recent energy supply disruptions, says CGS-CIMB Research</p> <p>The utilisation rate of Malaysian outsourcing semiconductor assembly and tests (OSAT) operations is expected to increase with the country's increased immunisation rates. Inari Amertron Bhd, Malaysian Pacific Industries Bhd (MPI) and Unisem (M) Bhd that have facilities in China revealed minimal impact from the recent energy supply disruptions there. MPI's Carsem Semiconductor (Suzhou) Co Ltd, remained operational, albeit at a lower capacity of approximately 70 per cent due to the energy restrictions.</p>	<p>https://www.nst.com.my/business/2021/10/734051/domestic-osat-players-facilities-china-see-minimal-impact-recent-energy</p>
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) memberi amaran bahawa rancangan lapangan terbang dan penyedia perkhidmatan navigasi udara (ANSP) untuk meningkatkan caj akan hanya melengahkan pemulihan perjalanan/pengembalaan udara dan merosakkan kesalinghubungan antarabangsa. Kenaikan caj oleh lapangan terbang dan ANSP sudah mencecah US\$2.3 bilion, dan jumlahnya boleh berlipat kali ganda sehingga mencapai 10 kali ganda sekiranya cadangan oleh lapangan terbang dan ANSP dipersetujui. Kadar operasi penyedia perkhidmatan pemasangan dan ujian semikonduktor (OSAT) Malaysia dijangka meningkat seiring dengan peningkatan kadar imunisasi negara. Gangguan bekalan tenaga di China dijangka memberi kesan minimum kepada beberapa syarikat OSAT yang mempunyai kilang fasiliti di sana. Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia (MSIA) telah mencadangkan agar kerajaan tidak menutup operasi kilang yang mempunyai lebih 80 peratus kadar vaksinasi pekerja bagi meminimumkan gangguan seterusnya membantu meningkatkan kadar penggunaan ada suku keempat 2021. 			

Maklumbalas Bahagian:

1. Cadangan oleh lapangan terbang dan penyedia perkhidmatan navigasi udara (ANSP) untuk menaikkan caj dijangka akan membebankan pelanggan dan melengahkan pemulihan perjalanan udara. Situasi ini akan memberi kesan kepada penyusunan Statistik Imbalan Pembayaran terutamanya komponen Pengangkutan dan Perjalanan. Pada suku kedua 2021, komponen Pengangkutan dan Perjalanan masing-masing mencatatkan defisit yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM8.1 bilion dan RM3.6 bilion berbanding pada suku sebelumnya.
2. Gangguan bekalan tenaga yang berlaku di China dijangka memberi kesan minimum kepada syarikat OSAT yang mempunyai kilang fasiliti di sana. Kesan ini dapat dilihat pada penyusunan Statistik Imbalan Pembayaran terutamanya komponen Pembuatan. Pada suku kedua 2021, komponen Pembuatan mencatatkan lebih RM3.37 bilion berbanding RM3.42 bilion pada suku sebelumnya.

E. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 7 Oktober 2021 (<i>Non-Essential</i>)	<p>AMRO jangka pemulihan kukuh ekonomi Malaysia 2022</p> <p>Ekonomi Malaysia dijangka pulih secara kukuh tahun depan dengan berkembang 6.7 peratus sejajar pemulihan serantau dan global, demikian menurut ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO). Menerusi Laporan Terkini Tinjauan Ekonomi Serantau ASEAN+3 2021, pertubuhan antarabangsa itu bagaimanapun menjangkakan pertumbuhan ekonomi negara akan berkembang 4.1 peratus bagi 2021, lebih rendah berbanding unjuran dibuat pada Mac lalu iaitu 5.6 peratus.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/873401/amro-jangka-pemulihan-kukuh-ekonomi-malaysia-2022

2.	<p>Berita Harian 7 Oktober 2021 (<i>Non-Essential</i>)</p>	<p>Empat sektor raih manfaat pembukaan sempadan negeri</p> <p>Sektor berkaitan logistik termasuk penerbangan, pelancongan, pembinaan dan perkhidmatan bakal mendapat manfaat besar daripada jangkaan pembukaan semula sempadan antara negeri dalam masa beberapa hari lagi.</p> <p>Menurut Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, perkembangan positif berkenaan dilihat bakal merancakkan sektor ekonomi selepas rakyat akan lebih bebas untuk bergerak.</p>	<p>https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/873528/empat-sektor-raih-manfaat-pembukaan-sempadan-negeri</p>
----	---	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Ekonomi Malaysia dijangka pulih secara kukuh tahun depan dengan berkembang 6.7 peratus sejajar pemulihan serantau dan global, demikian menurut ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO). Menerusi Laporan Terkini Tinjauan Ekonomi Serantau ASEAN+3 2021, pertubuhan antarabangsa menjangkakan pertumbuhan ekonomi negara akan berkembang 4.1 peratus bagi 2021, lebih rendah berbanding unjuran dibuat pada Mac lalu iaitu 5.6 peratus.
2. Sektor berkaitan logistik termasuk penerbangan, pelancongan, pembinaan dan perkhidmatan bakal mendapat manfaat besar daripada jangkaan pembukaan semula sempadan antara negeri dalam masa beberapa hari lagi. Perkembangan positif tersebut bakal merancakkan sektor ekonomi selepas rakyat akan lebih bebas untuk bergerak.

Maklumbalas Bahagian:

1. Macroeconomic Research Office (AMRO) menjangkakan Ekonomi Malasia kembali kukuh pada tahun hadapan iaitu dijangka berkembang 4.1 peratus pada 2021. Ini disokong oleh kemajuan program vaksinasi negara dengan kadar vaksinasi tinggi akan membantu negara mencapai imuniti kelompok dengan lebih cepat bagi membendung penularan COVID-19. Ini seterusnya akan mendorong pemulihan dan pembangunan ekonomi.

F. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Kosmo 5 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>LZS sumbang gajet kepada 7,000 pelajar asnaf, mualaf</p> <p>Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengagihkan sumbangan tablet dan data internet bernilai keseluruhan RM6juta kepada 7,000 pelajar asnaf fakir, miskin dan mualaf di negeri ini.</p>	https://www.kosmo.com.my/2021/10/05/lzs-sumbang-gajet-kepada-7000-pelajar-asnaf-mualaf/
2.	Selangorkini 5 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Liputan 4G di Hulu Selangor capai lebih 90 peratus</p> <p>Inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA) meningkatkan liputan 4G bagi kawasan berpenduduk di Parlimen Hulu Selangor kepada 96.66 peratus, setakat suku kedua tahun ini, berbanding 88.89 peratus dalam tempoh yang sama tahun lepas.</p>	https://selangorkini.my/2021/10/liputan-4g-di-hulu-selangor-capai-lebih-90-peratus/
3.	NEW STRAITS TIMES 5 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Penang beach hotels eye 60 per cent occupancy rate</p> <p>Hotels in Penang Are Anticipating busier days ahead when tourists return with the lifting of the interstate travel ban in the middle of this month.</p> <p>By mid-October, more people will start travelling again as the number of fully vaccinated people will have reached more than 80 per cent. Hoteliers are looking forward to better days.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/10/733697/penang-beach-hotels-eye-60pc-occupancy-rate

4.	Berita Harian 6 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	Kira-kira 9,000 warga ATM terima bantuan MINDEF Prihatin Kira-kira 9,000 warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terdiri daripada anggota dan veteran ATM di seluruh negara menerima bakul makanan di bawah Program Kementerian Pertahanan (MINDEF) Prihatin.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/873039/kira-kira-9000-warga-atm-terima-bantuan-mindef-prihatin
5.	Sarawak Voice 6 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	PKPD: Penduduk rumah panjang di Betong terima bantuan makanan Tiga rumah panjang di sekitar Betong yang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) menerima bantuan makanan tambahan sumbangan Timbalan Ketua Menteri merangkap ADUN Bukit Saban, Datuk Amar Douglas Uggah Embas.	https://sarawakvoice.com/2021/10/06/pkp-d-penduduk-rumah-panjang-di-betong-terima-bantuan-makanan/
6.	Sinar Harian 6 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	Program Agropreneur Muda bantu 7,571 usahawan muda: MAFI Sejumlah RM15 juta telah diperuntukkan untuk membantu seramai 750 usahawan muda melalui bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM).	https://www.sinarharian.com.my/article/165450/BERITA/Nasional/Program-Agropreneur-Muda-bantu-7571-usahawan-muda-MAFI
7.	Utusan 6 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	Harga petrol RON97 naik 1 sen Harga runcit petrol RON95 dan diesel kekal pada harga RM2.05 seliter dan RM2.15 seliter bagi tempoh bermula esok sehingga 13 Oktober ini.	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/10/harga-petrol-ron97-naik-1-sen-3/

Penemuan penting & isu:

1. Seramai 7,000 pelajar asnaf fakir, miskin dan mualaf di Selangor yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mendapat sumbangan tablet dan data internet yang keseluruhan bernilai RM6 juta oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dengan peruntukan agihan menerusi inisiatif Zakat Selangor Peduli (ZSP). Pelajar yang layak akan menerima data internet sebanyak RM30 setiap bulan yang akan dikreditkan ke akaun bank ketua keluarga asnaf atau menggunakan V-Cash (baucar tunai).
2. Inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA) telah meningkatkan liputan 4G dan premis yang dapat mencapai gentian optik jika dibandingkan dengan tahun 2020 di kawasan Hulu Selangor. Kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik akan dilaksanakan oleh kerajaan sebagai salah satu alternatif bagi memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar diperluas ke kawasan sekitar sekolah, perindustrian, premis kerajaan dan masyarakat sekeliling dan melibatkan 432,300 premis yang akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi.
3. Sektor Perhotelan dijangka buka apabila kadar pemberian vaksin sudah melepas 80 peratus dan kebenaran rentas negeri dilaksanakan. Perkara ini merupakan suatu berita gembira kepada sektor perhotelan apabila sudah lama ditutup akibat COVID-19.
4. Menteri Kanan Pertahanan berkata kejayaan program itu turut mendapat kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang menyalurkan bantuan kepada 1,500 anggota ATM.
5. Agihan bantuan kepada ketiga-tiga rumah panjang terbabit diselaraskan oleh Pusat Khidmat ADUN Bukit Saban dan diserahkan melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Betong bagi pihak wakil rakyat.
6. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah membantu seramai 7,571 usahawan muda melibatkan peruntukan RM155 juta melalui Program Agropreneur Muda yang terlibat dalam sektor pertanian dan industri makanan sejak 2016 hingga 31 Ogos 2021.
7. Harga runcit petrol RON95 dan diesel kekal pada harga RM2.05 seliter dan RM2.15 seliter bagi tempoh bermula esok sehingga 13 Oktober ini. Harga runcit petrol RON97 naik 1 sen kepada harga RM2.77 seliter berbanding RM2.76 seliter sebelum ini. Bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global, kerajaan mengekalkan paras harga siling RM2.05 seliter bagi petrol RON95 dan RM2.15 seliter bagi diesel.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan persekutuan dan negeri menyediakan pelbagai bantuan, subsidi dan inisiatif bagi membantu dan mengurangkan beban rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan perbelanjaan isi rumah, kumpulan pendapatan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES dan juga kajian pemetaan program bantuan dalam pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS).
2. Inisiatif literasi digital dan pemberian data internet percuma dijangka akan meningkatkan peratus capaian dan penggunaan internet oleh isi rumah dan individu serta akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan survei ICTHS yang akan datang.
3. Pembukaan semula sektor pelancongan dapat merancakkan semula industri pelancongan yang melibatkan aktiviti perhotelan, tempat peranginan serta restoran. Pembukaan ini dijangka akan memberi impak kepada kenaikan harga perkhidmatan kerana adanya *supply* dan *demand*. Hal ini secara tidak langsung memberi tekanan kepada IHP terutamanya bagi kumpulan restoran & hotel.
4. Peningkatan harga mingguan RON97 pada minggu kedua Oktober 2021 dijangka akan meningkatkan inflasi Oktober 2021 terutamanya bagi kumpulan Pengangkutan berikutan purata harga RON97 yang lebih tinggi berbanding tahun 2020. Purata harga RON97 pada September 2021 ialah RM2.73 berbanding RM1.98 pada September 2020.

G. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Utusan Malaysia 6 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Kematian meningkat COVID-19 Malaysia semalam mencatatkan jumlah kes kematian sebanyak 117 kes meningkat berbanding kelmarin, 76 kes.	https://www.utusan.com.my/covid-19/2021/10/kematian-covid-19-meningkat/

--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Rekod terbabit adalah setakat pukul 10 pagi hari ini sekali gus menjadikan keseluruhan kes terkini sebanyak 26,876 kes. Sebanyak 16 daripada 117 kematian melibatkan kes yang dibawa ke hospital (BID) dengan jumlah keseluruhan kes sebanyak 5,382 kes. Sebanyak 846 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) manakala 441 pesakit memerlukan Alat Bantuan Pernafasan (ABP) manakala pesakit yang perlu ditempatkan di wad adalah seramai 8,243 orang. Utusan Online semalam melaporkan Malaysia terus mencatatkan peningkatan kes positif COVID-19 iaitu 8,817 kes berbanding semalam, 8,075 kes sekali gus terus diatasi 15,615 kes semuh. Tempat kerja mencatatkan 10 kluster COVID-19 daripada 14 kluster, hari ini, dengan dua komuniti manakala kumpulan berisiko tinggi dan pendidikan swasta, masing-masing satu kluster.
2. Berdasarkan data yang dikongsi Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi portal COVIDNOW, 88.4 peratus atau 20,698,852 golongan dewasa, sudah melengkapkan vaksinasi masing-masing setakat semalam. Setakat semalam juga, sebanyak 120,402 atau 3.8 peratus remaja berusia 12 hingga 17 tahun telah melengkapkan suntikan vaksin COVID-19. Perincian itu juga memaklumkan sebanyak 224,034 dos suntikan vaksin diberikan semalam membabitkan 122,153 dos pertama dan 101,881 dos lengkap, menjadikan jumlah kumulatif pemberian dos vaksin menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) adalah sebanyak 44,797,925 dos. PICK dilancarkan pada 24 Feb lepas bagi memberikan vaksinasi untuk membendung pandemik COVID-19 di seluruh negara. Sementara itu, 117 kes kematian harian akibat COVID-19 dilaporkan semalam dengan 16 daripadanya membabitkan kematian di luar hospital (BID) menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian kini 26,876.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah:
 - Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian);

- Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan;
- Sebanyak 3,898 kematian akibat COVID-19 direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu.
- Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun.
- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian.

Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

H.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 6 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Kadar vaksinasi remaja lepasi sasaran awal 60 peratus</p> <p>Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Remaja mencatatkan rekod apabila melepas sasaran awal Kementerian Kesihatan (KKM) dalam tempoh dua minggu pelaksanaannya. Ini susulan kejayaan pemberian sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19 kepada 1.9 juta atau 62.5 peratus populasi remaja berusia 12 hingga 17 tahun sejak mula dilaksanakan 20 September lalu.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/873139/kadar-vaksinasi-remaja-lepasi-sasaran-awal-60-peratus

<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Remaja telah berjaya melepas sasaran 60 peratus pada November dengan merekodkan 62.5 peratus sejak mula dilaksanakan 20 September lalu. 			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pemberian vaksin kepada golongan remaja adalah antara inisiatif kerajaan bagi melindungi golongan tersebut daripada jangkitan virus COVID-19. Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak 2020, anggaran bilangan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke atas di Malaysia adalah seramai 2,654.4 ribu orang. 			
I.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Utusan Malaysia 6 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	Perais ceburi penanaman fertigasi cili jana pendapatan Persatuan Anak Istimewa Sarawak (Perais) mengambil inisiatif menceburi aktiviti pertanian moden sistem fertigasi bagi menjana pendapatan sendiri sekaligus membantu ahli persatuan menghadapi pandemik COVID-19.	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/10/perais-ceburi-penanaman-fertigasi-cili-jana-pendapatan/
2.	Sarawak Voice 6 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	Pertubuhan Peladang beli lambakan cili di Kalaka Pertubuhan Peladang Kawasan Kalaka meneruskan usaha dalam membantu pekebun yang tidak dapat mamasarkan lambakan hasil tani akibat penularan wabak COVID-19 dengan membeli sebanyak 68 kilogram cili untuk diagihkan kepada penduduk sekitar.	https://sarawakvoice.com/2021/10/06/pertubuhan-peladang-beli-lambakan-cili-di-kalaka/
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> Persatuan Anak Istimewa Sarawak (Perais) mengambil inisiatif menjana pendapatan sendiri dengan menceburi aktiviti pertanian moden sistem fertigasi. Pada peringkat awal persatuan menanam 500 pokok cili di dalam polibeg dan merancang meluaskannya pada masa akan datang. Sebelumnya, program ini 			

terpaksa ditangguhkan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Program ini turut disokong oleh Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Willie Mongin yang telah memberi geran sebanyak RM20,000 bagi pembangunan orang kurang upaya (OKU) dimana kira-kira RM10,000 digunakan untuk pembangunan ladang cili berkenaan. Persatuan beharap penglibatan Perais dalam bidang pertanian moden ini mampu menjana pendapatan kepada ahli lebih-lebih lagi dalam menghadapi pandemik COVID-19 dan beralih ke fasa endemik.

2. Pertubuhan Peladang Kawasan Kalaka membeli 68 kilogram cili untuk diagihkan kepada penduduk sekitar dalam usaha membantu pekebun yang tidak dapat memasarkan lambakan hasil tani akibat penularan wabak COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bantuan geran yang diberikan oleh kerajaan kepada pengusaha cili dapat membantu dalam meningkatkan jumlah pengeluaran pertanian negara serta memastikan jaminan bekalan makanan negara pada masa hadapan. Merujuk kepada penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA) 2016-2020, pada 2020, pengeluaran cili adalah sebanyak 28,264.4 tan metrik dengan kadar sara diri pada 30.9 peratus.

J.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 6 Oktober 2021 (Non-Essential)	<p>Budget 2022 must focus on survival of SMEs, says SAMENTA</p> <p>The upcoming Budget 2022 must focus on the survival issues of small and medium-sized enterprises (SMEs). Government suggested to extend the RM600 wage subsidy until June 2022 for all sectors that were deemed non-essential, which were not allowed to operate until Phase 3 and 4 of the National Recovery Plan and extending the hiring incentive of 50% wage subsidy for six months to SMEs with less than 100 employees until June 2022.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/budget-2022-must-focus-survival-smes-says-samenta

2.	The Edge Market 5 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Register express bus drivers for PEMERKASA Plus aid before Oct 10, says APAD</p> <p>All 176 express bus operators registered with the Land Public Transport Agency (APAD) must immediately register their drivers for the PEMERKASA Plus one-off RM500 aid before the closing date on Oct 10. Failure to do so would affect the screening process, as well as complicate the process of channelling the aid to the drivers' accounts.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/register-express-bus-drivers-pemerkasa-plus-aid-oct-10-says-apad
----	---	---	---

Penemuan penting & isu:

1. Belanjawan 2020 perlu menumpukan kepada isu kelangsungan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Kerajaan dicadangkan supaya melanjutkan subsidi upah sebanyak RM600 bagi setiap pekerja sehingga Jun 2022 kepada semua sektor yang tidak tersenarai sebagai perkhidmatan penting dan tidak dibenarkan beroperasi sehingga Fasa 3 dan 4 Pelan Pemulihan Negara. Selain itu, kerajaan turut dicadang melanjutkan insentif pengambilan pekerja baharu dengan subsidi upah sebanyak 50 peratus selama 6 bulan sehingga Jun 2022 bagi PKS yang pekerja kurang daripada 100 orang.
2. Kesemua 176 pengendali bas expres yang berdaftar dengan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) perlu segera membuat pendaftaran pemandu bagi bantuan PEMERKASA Tambahan dengan sekali beri sebanyak RM500 sebelum tarikh tutup pada 10 Oktober 2021. Kegagalan berbuat demikian akan menyukarkan proses saringan dan saluran bantuan kepada akaun pemandu.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Julai 2021 yang diterbitkan pada 9 Ogos 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,072.9 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,294.8 ribu
 - iii) Penganggur: 778.2 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,475.4 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.8 peratus

2. Statistik utama tenaga buruh pada ST2 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
- i) Tenaga buruh: 15,972.2 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,207.3 ribu
 - iii) Penganggur: 764.9 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
3. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST2 2021:
- i) Jawatan: 8,351.8 ribu
 - ii) Jawatan diisi: 8,173.7 ribu
 - iii) Kekosongan: 178.0 ribu
 - iv) Pewujudan jawatan: 16.18 ribu
 - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
 - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
4. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST2 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 1,886 ribu orang (Sumbangan: 12.4%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 74 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,577 ribu orang (Sumbangan: 16.9%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,279 ribu orang (Sumbangan: 61.0%)
 - vi) Jumlah: 15,207 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)
5. Guna tenaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut aktiviti ekonomi pada tahun 2020 adalah seperti berikut:
- i) Pertanian: 779 ribu orang (Sumbangan: 10.7%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 21 ribu orang (Sumbangan: 0.3%)
 - iii) Pembuatan: 1,187 ribu orang (Sumbangan: 16.4%)
 - iv) Pembinaan: 673 ribu orang (Sumbangan: 9.3%)
 - v) Perkhidmatan: 4,593 ribu orang (Sumbangan: 63.3%)
 - vi) Jumlah: 7,253 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)